

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ SETIU ]

**TARIKH :** 1.12.2015

**SOALAN :**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk membina Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di daerah Setiu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) mahupun cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara dengan turut mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujuan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Buat masa ini, tumpuan Kerajaan adalah untuk memperkasakan IPTA sedia ada di Terengganu seperti Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bukit Besi, UiTM Dungun, Politeknik Kuala Terengganu, Politeknik Dungun, Kolej Komuniti Besut dan Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

**SOALAN ( 30 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2015  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [ KOTA KINABALU ] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan rancangan untuk menambahbaik  
pengurusan sisa pepejal di Sabah terutamanya di bandar utama seperti  
Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) tidak terpakai di negeri Sabah. Sehubungan itu, pengurusan sisa pepejal di Sabah adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sabah. Namun begitu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tetap menyalurkan bantuan berkaitan pengurusan sisa pepejal kepada Negeri Sabah bagi menambahbaik pengurusan sisa pepejal di Sabah. Antara bentuk bantuan lain yang diberikan adalah menyalurkan bantuan peruntukan pembangunan kepada PBT di negeri Sabah bagi tujuan pengurusan sisa pepejal seperti menaik taraf tapak pelupusan sisa pepejal, pembelian tong dan jentera serta lain-lain berkaitan pengurusan sisa pepejal.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Disember 2015